



# NOTIS

## PEMBUBARAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI SESI 2023/2024

DENGAN KUASA YANG DIBERIKAN KEPADA  
JAWATANKUASA SURUHANJAYA PILIHANRAYA  
KPTM BANGI

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KPTM BANGI  
SESI 2023/2024

DIBUBARKAN BERKUATKUASA 13 OGOS 2024

## NOTIS PILIHANRAYA (Sesi 2024/2025)

1. Dimaklumkan bahawa **Majlis Perwakilan Pelajar KPTM Bangi** bagi **Sesi 2023/2024** adalah **DIBUBARKAN** berkuatkuasa **13 Ogos 2024**.
2. Pemilihan **Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KPTM Bangi** bagi sesi 2024/2025 adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1	Penamaan Calon	: 14 - 20 Ogos 2024
2	Pengesahan Calon	: 21 Ogos 2024
3	Tempoh Berkempen	: 22 – 28 Ogos 2024
4	Pilihanraya	: 29 Ogos 2024
5	Pengumuman Keputusan Pilihanraya Khamis, 29 Ogos 2024	



3. Pelajar-pelajar yang berminat untuk menjadi calon **Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024/2025** boleh mendapatkan **Borang Pendaftaran Calon Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar** di Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
4. Calon dikehendaki menghantar semula borang yang telah lengkap ke Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar selewat-lewatnya **Selasa, 20 Ogos 2024**.
5. Suruhanjaya Pilihanraya berhak menolak pencalonan sekiranya borang yang dihantar tidak lengkap / tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan.

## 6. Syarat- Syarat Umum Kelayakan Menjadi Calon

- 6.1. Pelajar yang mendaftar pengajian secara sepenuh masa dan berstatus AKTIF;
- 6.2. Sedang mengikuti pengajian di Semester 2, 3 atau 4;
- 6.3. Mendapat pengesahan status akademik daripada Bahagian Akademik (Ketua Jabatan/ Dekan/ Timbalan Pengarah Akademik/ Mentor/ Penasihat Akademik);
- 6.4. Mempunyai CGPA/ PMK tidak kurang daripada 2.50 bagi pelajar Diploma atau 50% bagi pelajar Program Sarjana Muda (DBS) atau Program Profesional
- 6.5. Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan disiplin/ tatatertib;
- 6.6. Calon memerlukan seorang pencadang dan seorang penyokong;
- 6.7. Pencadang dan penyokong mesti menandatangani **Borang Pendaftaran Calon Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (BHEP.GP.02.01-01)**.

## 7. Panduan Umum Pemilihan MPP

Kolej Poly-Tech MARA Bangi akan melaksanakan Pilihanraya MPP **secara atas talian melalui Mod Terbuka (Open Mode)**

- 7.1. Pemilihan MPP secara *Open Mode* merupakan pemilihan MPP yang dipertandingkan secara terbuka di mana calon tidak dipertandingkan mengikut jawatan atau exco MPP tertentu yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihanraya Kampus Cawangan.

## 8. Peraturan Berkempen

### 8.1. Pidato Umum dan Kempen

- 8.1.1. Calon atau wakil calon dibenarkan menyampaikan pidato umum bagi memperkenalkan calon-calon yang bertanding di media sosial yang bersesuaian seperti Whatsapp, Instagram, Facebook, Twitter, Youtube, Threads atau laman web khas yang disediakan oleh pihak KPTM Bangi sepanjang tempoh berkempen yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihanraya KPTM Bangi.



8.1.2. Calon atau wakil calon tidak dibenarkan menyampaikan pidato umum dengan mengaitkan Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar ini dengan mana-mana pihak luar melainkan untuk menjelaskan visi kepimpinan peribadi ke arah kebajikan mahasiswa.

8.1.3. Calon atau wakil calon boleh menerbit, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen yang berkaitan dengan kempen dalam tempoh kempen yang dibenarkan sahaja.

#### 9. Bahan Kempen

9.1. Calon atau wakil calon boleh menerbitkan poster calon, manifesto atau hal berkaitan visi dan misi calon. Ia boleh diedar dan dipaparkan oleh calon atau wakil calon melalui aplikasi Whatsapp, Instagram, Telegram, Facebook, Twitter, Youtube, Threads atau laman web khas yang disediakan oleh pihak KPTM Bangi dalam tempoh berkempen yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pilihanraya KPTM Bangi.

#### 10. Peringatan: Kesalahan-Kesalahan

10.1. Calon-calun yang bertanding atau wakil calon adalah dikehendaki juga mematuhi etika dan peraturan Kolej Poly-Tech MARA yang sedang berkuatkuasa.

10.2. Calon dilarang untuk melakukan kesalahan 'jenayah' atau 'sivil' yang bercanggah dengan pihak berkuasa sepanjang tempoh kempen. Jika calon melakukan kesalahan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab calon sendiri.

**DISEDIAKAN OLEH:**

Jawatankuasa Suruhanjaya Pilihanraya KPTM Bangi  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Kolej Poly-Tech MARA Bangi  
**TARIKH : 13 Ogos 2024**

